



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

**KERATAN AKHBAR
DAN
BERITA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

16 OGOS 2023 (RABU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (KPDN)

16 OGOS 2023 (RABU)

Harga ayam dijual bergantung peruncit

Tiada isu kenaikan harga ayam ketika ini kerana masih dijual bawah harga siling

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
SHAH ALAM

Tiada isu kenaikan harga ayam ketika ini kerana bahan mentah itu masih dijual di bawah harga kawalan maksimum yang ditetapkan oleh kerajaan iaitu RM9.40 sekilogram.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, harga ayam yang dijual bergantung kepada peruncit berdasarkan pasaran bebas dan terbuka.

Beliau menjelaskan,

kerajaan tiada hak menentukan harga selagi mereka mematuhi harga siling yang ditetapkan.

"Kita ini pasaran bebas jadi kerajaan tidak boleh kata kamu (peruncit) kena pilih harga ini, selagi mereka menjual ayam di bawah harga siling ia bukan satu kesalahan.

"Kalau ikutkan secara purata pada bulan ini ayam dijual RM8.77 lebih murah berbanding Julai iaitu RM 9.21," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Selasa.

Pada Isnin, *Sinar Harian* melaporkan mengenai rungutan peniaga di beberapa negeri yang terpaksa menjual ayam pada harga RM8.70 sekilogram ketika ini kerana mereka mendapat harga yang tinggi daripada pembekal bahan mentah itu.

Antaranya tinjauan di Kuala Krai, Kelantan



FUZIAH

mendapati harga ayam meningkat sejak beberapa hari sebelum pilihan raya negeri (PRN) Kelantan.

Sementara itu di Georgetown, Pulau Pinang harga ayam segar di pasaran naik sehingga RM1.50 sejak seminggu lalu menjadikan bahan mentah itu berharga antara RM9.40 hingga RM10.90.

Di Temerloh, Pahang pula harga runcit ayam bersih dijual pada harga RM11 sekilogram.

Tambah Fuziah, harga siling tidak pernah dinaikkan sejak Kerajaan Perpaduan mengambil alih negara.

"Bagaimanapun, kementerian akan ambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana peruncit yang menjual ayam melebihi harga siling," jelasnya.

Fuziah turut mencadangkan agar orang ramai memanfaatkan aplikasi mudah alih *Price Catcher* bagi membolehkan mereka membandingkan harga ayam di pasar raya.

"Kita kena jadi pengguna bijak, bandingkan harga di beberapa tempat sebelum membeli ayam," ujarnya.



Laporan *Sinar Harian* pada Selasa.

Padah simpan minyak masak melebihi had

IPOH: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak merampas 4,240 kilogram (kg) minyak masak dari sebuah premis borong barangan runcit di Kawasan Perindustrian Ringan Kinta Jaya di sini semalam.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, dalam pemeriksaan yang dijalankan pada pukul 11.30 pagi itu, premis berkenaan didapati menyimpan barang kawalan melebihi kuantiti yang ditetapkan.

"Hasil pemeriksaan ke atas premis itu mendapati mereka mempunyai lesen Borong Control Supply Act (CSA) yang masih dalam tempoh sah dengan jumlah kuantiti had simpanan gula sebanyak 50 metrik tan, minyak masak (10 metrik tan) dan tepung gandum (20 metrik tan).

"Premis itu juga mempunyai lesen runcit CSA gula, minyak masak dan tepung gandum yang masih dalam

tempoh sah dengan jumlah had kuantiti masing-masing 500kg," katanya semalam.

Menurut beliau, pemeriksaan lanjut ke atas kuantiti simpanan di dalam premis itu mendapati ia menyimpan barang kawalan minyak masak pelbagai jenama sebanyak 14,740 kg.

Katanya, jumlah itu melebihi had simpanan seperti mana had yang dibenarkan di dalam kedua-dua lesen Borong CSA iaitu 10 tan metrik atau 10,000 kg.

"Tindakan sitaan ke atas minyak masak sebanyak 4,240 kg dijalankan untuk tujuan siasatan lanjut.

"Jumlah nilai sitaan keseluruhan dianggarkan sebanyak RM16,224. Kes akan disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

Dalam pada itu, beliau menasihatkan peniaga supaya mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan oleh KPDN. +



PEGAWAI KPDN Perak membuat pemeriksaan dalam serbuan di sebuah premis borong barangan runcit di Kawasan Perindustrian Ringan Kinta Jaya, Ipoh, semalam.

Padah simpan minyak masak melebihi had dibenarkan



PEGAWAI KPDN Perak membuat pemeriksaan di sebuah premis borong barangan runcit di Kawasan Perindustrian Ringan Kinta Jaya, Ipoh kelmarin.

IPOH - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak merampas sebanyak 4,240 kilogram (kg) minyak masak dari sebuah premis borong barangan runcit di Kawasan Perindustrian Ringan Kinta Jaya di sini kelmarin.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, dalam pemeriksaan yang dijalankan pada pukul 11.30 pagi itu, premis berkenaan didapati menyimpan barang kawalan melebihi kuantiti ditetapkan.

"Hasil pemeriksaan ke atas premis itu mendapati, mereka mempunyai lesen Borong Control Supply Act (CSA) yang masih

dalam tempoh sah dengan jumlah kuantiti had simpanan gula sebanyak 50 metrik tan, minyak masak (10 metrik tan) dan tepung gandum (20 metrik tan).

"Premis itu juga ada lesen runcit CSA gula, minyak masak dan tepung gandum yang masih dalam tempoh sah dengan jumlah had kuantiti masing-masing 500kg," katanya di sini semalam.

Menurut beliau, pemeriksaan lanjut ke atas kuantiti simpanan di dalam premis itu mendapati, ia menyimpan barang kawalan minyak masak pelbagai jenama sebanyak 14,740kg.

Katanya, jumlah itu melebihi had simpanan seperti mana had

yang dibenarkan di dalam kedua-dua lesen Borong CSA iaitu 10 metrik tan atau 10,000kg.

"Tindakan sitaan ke atas minyak masak sebanyak 4,240kg dijalankan untuk tujuan siasatan lanjut. Jumlah nilai sitaan keseluruhan dianggarkan sebanyak RM16,224. Kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

Dalam pada itu, beliau menasihatkan peniaga supaya mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan oleh KPDN.

"Orang ramai boleh salur maklumat atau aduan berkaitan peniaga yang tidak mematuhi undang-undang," ujarnya.

Simpan minyak masak lebih had, peniaga berdepan denda RM1 juta

IPOH - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak menyita 4,240 kilogram (kg) minyak masak bernilai RM16,224 dalam satu pemeriksaan di Kawasan Perindustrian Ringan, Kinta Jaya di sini pada Isnin.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, pihaknya telah melakukan pemeriksaan di sebuah premis borong barangan runcit pada kira-kira jam 11.30 pagi.

"Pemeriksaan lanjut ke atas kuantiti simpanan di premis itu mendapati ia menyimpan 14,740kg minyak masak pelbagai jenama iaitu melebihi had 10,000kg yang dibenarkan pada satu-satu masa.

"Premis disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan 21 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (PPKB) 1974," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Beliau berkata, kes akan disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 yang jika sabit kesalahan boleh dikenakan



FOTO: FB KPDN PERAK

Seorang anggota penguat kuasa KPDN Perak melakukan pemeriksaan di sebuah premis borong barangan runcit di Ipoh baru-baru ini.

hukuman denda tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi perseorangan.

Katanya, bagi per-

tubuhan perbadanan pula boleh didenda tidak melebihi RM2 juta dan bagi kesalahan yang kedua boleh didenda tidak melebihi RM5 juta. - *Bernama*



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE (KPDN)

16 OGOS 2023 (RABU)

BERITA ONLINE BERTARIKH 16 OGOS 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
16-Aug	Harga kawalan minyak masak tingkatkan ketirisan	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/pandangan/2023/08/15/harga-kawalan-minyak-masak-	FMT
16-Aug	Padah simpan minyak masak melebihi had	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/padah-simpan-minyak-masak-melebihi-had/	UM
16-Aug	KPDN Perak sita lebih 4,000 kg minyak masak melebihi had	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2216418	BERNAMA
16-Aug	Penyeludup redah hujan lebat, lari dalam semak elak dicekup	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/273878	SH
16-Aug	Harga ayam naik beberapa kali sejak dua minggu lalu	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/273905	SH
16-Aug	3 ditahan cuba seludup 1,300 liter diesel subsidi guna 3 pikap	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/08/1140770/3-ditahan-cuba-seludup-1300-liter-	BH